

CUEPACS sifatkan 'belanjawan peduli rakyat'

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyifatkan Belanjawan 2021 sebagai 'belanjawan peduli rakyat' kerana mengutamakan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya.

Presidennya, Adnan Mat, berkata walaupun tiada pengumu-

man kenaikan gaji atau bonus tambahan kepada kakitangan awam, fokus memperkasakan sistem perkhidmatan awam dan kebajikan warganya tetap dialu-alukan.

"Langkah kerajaan memperkenalkan inisiatif MySTEP atau Program Pekerjaan Jangka Pen-

dek dengan peruntukan lebih RM700 juta membuktikan sektor perkhidmatan kerajaan wajar diperkasakan selaku nadi kepada pembangunan negara.

"Inisiatif itu akan menawarkan 50,000 peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan

(GLC) bermula Januari 2021," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menerusi inisiatif itu, katanya, 35,000 peluang pekerjaan akan ditawarkan dalam sektor awam dengan keutamaan mengisi jawatan seperti jururawat, pembantu perubatan, pegawai kebajikan

masyarakat dan guru sementara.

Beliau berkata, GLC akan menyediakan 15,000 peluang pekerjaan yang mengutamakan bidang teknikal dan kewangan, selain turut dipanjangkan kepada graduan untuk menjalani program perant-